

Terma-terma dan Syarat-syarat Tawarruq untuk Memudahkan Penangguhan Pembayaran bagi Pembiayaan Peribadi-i (“Kemudahan”) [\(English\)](#)

Bagi memudahkan penangguhan pembayaran Kemudahan, Terma-terma dan Syarat-syarat Tawarruq diperincikan seperti berikut:

BAHAGIAN A – AM

Konsep Kemudahan dan Kaedah Pembiayaan.

Kemudahan ini adalah berdasarkan kontrak Tawarruq dan selaras dengan Program Penangguhan Bank untuk membantu Pelanggan yang mengalami kekangan kewangan sementara akibat wabak COVID-19, Bank akan menjual aset dan/atau komoditinya (“Aset”) pada harga yang dipersetujui yang terdiri daripada bahagian prinsipal ansuran tertunda yang akan menjadi kos untuk memperoleh Aset (“Amaun Kemudahan”) dan kadar keuntungan sedia ada yang mewakili jumlah keuntungan Bank (“Penjualan tambahan Harga”) dengan terma pembayaran tertunda yang dipersetujui kepada Pelanggan menurut terma dan syarat di sini. Dagangan ini hendaklah dibuktikan melalui sijil elektronik (atau sebarang bukti lain mengenai pemilikan).

Menurut Pembelian Aku janji dan Pelantikan Ejen di sini, Bank sebagai ejen untuk dan bagi pihak Pelanggan, menjual Aset kepada mana-mana pihak ketiga pada harga yang dipersetujui bersamaan dengan Amaun Kemudahan atas syarat pembayaran tunai di mana pembayaran hasil daripadanya hendaklah diagihkan kepada Bank yang memegang bagi pihak Pelanggan mengikut terma dan syarat di sini. Untuk dagangan komoditi baharu/tambahan ini, sila maklum bahawa bahagian keuntungan akan dibayar oleh Pelanggan terus kepada Bank, manakala bahagian prinsipal akan dibayar oleh Bank bagi pihak Pelanggan.

- 1. Jumlah Kemudahan.** Jumlah Kemudahan adalah bahagian principal ansuran tertunda.
- 2. Aset.**
 - (a) Aset dalam bentuk Minyak Kelapa Sawit atau sebarang komoditi lain yang berlandaskan Syariah yang akan diniagakan di bawah Kemudahan ini hendaklah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak dan diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah pihak Bank;
 - (b) Dagangan ini dibuat ke atas platform perdagangan komoditi yang membolehkan transaksi Tawarruq dijalankan dan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah pihak Bank;
 - (c) Pihak Bank adalah pemilik di sisi undang-undang dan/atau pemilik benefisial Aset tanpa bebanan tersebut sebelum penjualan Aset kepada pihak Pelanggan.
 - (d) Sekiranya pihak Bank perlu melaksanakan semula Jualan Aset (Jualan), hasil dari Jualan yang terlebih dahulu akan digunakan untuk membayar semua jumlah yang pada masa itu tertunggak dan terhutang kepada Bank. Bank akan memberi rebat kepada penyelesaian Jualan sebelumnya dan obligasi di bawah Jualan sebelumnya tersebut dianggap selesai.
- 3. Tujuan Kemudahan.** Untuk memudahkan pembayaran keuntungan tertunda daripada penangguhan Kemudahan sehingga tarikh matang lanjutan.
- 4. Aku Janji Pembelian.**

Pelanggan dengan ini:

 - (a) bersetuju dan berjanji untuk membeli Aset yang disebutkan (seperti yang ditetapkan dalam klausa Surat Agensi ini) pada Harga Jualan tambahan seperti yang ditakrifkan dalam Terma dan Syarat Kemudahan tanpa batal dan tanpa syarat.
 - (b) Aset akan dijual kepada Pelanggan atas dasar "sebagaimana adanya" tanpa sebarang representasi atau waranti berkenaan dengannya dan selepas perjanjian pembelian, sijil dan instrumen lain dikeluarkan, semua risiko akan berpindah kepada Pelanggan untuk menyimpan kecuali untuk kerosakan yang timbul secara langsung daripada keingkaran Bank yang disengajakan atau kecuaiian teruk, Bank akan dibebaskan daripada sebarang liabiliti,

tanggungjawab atau obligasi yang berkaitan dengan Aset dalam apa jua bentuk atau cara sekalipun.

- (c) Sebarang kerosakan atau ketidakserahan atau apa-apa pertikaian yang berkaitan dengan Aset tidak akan dalam apa-apa cara menjejaskan atau membebaskan kewajipan atau aku janji Pelanggan di bawah ini atau di bawah Kemudahan.
- (d) Aku janji pembelian ini tidak boleh dibatalkan (kecuali dengan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Bank) dan mengikat Pelanggan dan pengganti Pelanggan dalam hak milik, penerima serah hak yang dibenarkan dan wakil peribadi.

5. Pelantikan Ejen.

Pelanggan dengan ini, secara tidak boleh batal dan tanpa syarat, melantik pihak Bank sebagai wakil saya yang mutlak dan tanpa didedahkan untuk membuat dan melaksanakan perkara yang berikut:

- (a) untuk membeli Minyak Kelapa Sawit atau komoditi lain yang dibenarkan Syariah ("Aset") dari pihak Bank (sebagai penjual) secara bayaran tangguhan dengan harga yang dipersetujui yang bersamaan dengan Jumlah Kemudahan dengan cara dan terma-terma yang ditentukan dan atas budi bicara Bank.
- (b) mengambil hakmilik (fizikal atau konstruktif) Aset tersebut.
- (c) di atas permintaan, untuk membenarkan pelanggan mendapatkan dan mengambil milikan ke atas Aset pelanggan dengan kos dan bayaran yang tertakluk pada pihak Bank belum lagi menjual Aset kepada Pedagang Komoditi yang diluluskan atau pembeli komoditi yang lain ("Pihak ketiga").
- (d) untuk menjual Aset kepada pihak ketiga di atas budi bicara Bank bagi pihak pelanggan dengan harga yang bersamaan dengan Jumlah Kemudahan.
- (e) untuk menerima Pulangan daripada Jualan bagi pihak pelanggan daripada pihak ketiga yang membeli Aset untuk memegang Pulangan daripada Jualan yang diamanahkan ke atas pelanggan dan menyalurkan Pulangan daripada Jualan atau sebahagian daripadanya kepada pelanggan melalui akaun yang sediakan di Bahagian I.
- (f) untuk menyerahkan milikan dan hak milik Aset kepada pihak ketiga yang membeli Aset.
- (g) untuk penyempurnaan segala yang berkaitan di atas tetapi tidak terhad kepada pelaksanaan Sijil Jualan Elektronik terhadap sebarang dokumen atau instrumen yang diperlukan untuk serahan, hak milik dan sekatan Aset dalam apa cara yang dianggap wajar oleh pihak bank.

Dapat mengenal pasti bahawa pihak Bank adalah wakil yang mutlak dan wakil yang tanpa didedahkan pada setiap masa:

- (i) memberi kuasa untuk menandatangani dan menyempurnakan kesemua dokumen dan melakukan kesemua tanggungjawab yang diperlukan dan dilakukan sebagai wakil pelanggan yang dilantik atau dipertanggungjawabkan atas sebarang transaksi jualan kepada pembeli pihak ketiga untuk Aset tersebut.
- (ii) memberi kuasa untuk membahagikan hak dan tanggungjawab sebagai wakil kepada pihak ketiga untuk melakukan kesemua tanggungjawab mustahak untuk menyelesaikan transaksi yang diperlukan; dan perlu untuk melakukan kesemua tanggungjawab pentadbiran berkaitan pemegangan dan jualan Aset dan juga perlindungan takaful yang berkaitan.

Walau apa pun sebarang penjualan Aset oleh pihak Bank sebagai wakil dan/atau sebarang kecacatan dan/atau sebarang penghantaran tidak berjaya dan/atau sebarang pertikaian berhubung dengan Aset yang pelanggan mungkin ada dengan pembeli pihak ketiga berhubung dengan jualan oleh pihak Bank yang menjual Aset sebagai wakil pelanggan berikutan pembelian Aset dari pihak Bank tetapi sebelum penyelesaian penuh Harga jualan dan hutang yang wujud di bawah Sijil Jualan Elektronik dan Kemudahan.

Pelanggan terikat dengan mana-mana kontrak atau perjanjian yang dibuat oleh pihak Bank yang mewakili pelanggan sebagai Ejen. Setiap transaksi jual dan beli yang dibuat tidak boleh dihentikan secara sepihak oleh mana-mana pihak di dalam kontrak.

Pelanggan tidak anggap pelantikan Bank sebagai ejen untuk mewujudkan satu perkongsian atau usaha sama, ia juga tidak mewujudkan hubungan principal atau ejen dalam mana-mana hubungan lain di antara pelanggan dan pihak Bank.

Pelantikan ini hendaklah dengan serta merta terhenti apabila tamat tempoh atau penamatan Kemudahan.

Pelanggan dengan ini bersetuju untuk menanggung rugi Bank daripada apa-apa kerugian, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang Bank mungkin dialami atau ditanggung oleh Bank akibat daripada memenuhi fungsi Bank sebagai ejen seperti yang dinyatakan di atas, kecuali kerugian, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang disebabkan oleh kecuaiian kasar, penipuan dan salah laku yang disengajakan oleh Bank atau ejennya.

Pelanggan faham dan bersetuju bahawasanya pihak Bank tidak akan dalam sebarang keadaan pun, bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian terhadap pelanggan, walaupun telah diberi notis kemungkinan kerugian tersebut (termasuk antaranya kerugian ekonomi, kerugian namabaik, kerugian peluang perniagaan ataupun kerugian keuntungan). Pelanggan dengan ini bersetuju untuk memberi indemniti terhadap pihak Bank terhadap sebarang kerugian, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang berlaku atau ditanggung oleh pihak Bank dalam menjalankan tugas sebagai wakil pelanggan seperti yang digariskan diatas.

6. Pemindahan Milikan

Sejurus selepas Kemudahan ini ditandatangani oleh pihak Bank, hak-milik undang-undang dan/atau hak-milik benefisial, pemunyaan, hak-hak, risiko dan kepentingan berkaitan dengan Aset tersebut akan dipindah-milik dengan serta-merta kepada pihak Pelanggan dan pihak Bank akan dengan serta-merta membolehkan pihak Pelanggan mengambil milikan ke atas Aset tersebut. Kedua-dua belah pihak bersetuju bahawa Aset tersebut dijual atas dasar "keadaan yang seadanya" serta bebas dari sebarang bebanan, cagaran, lien dan/atau apa jua sekatan dan tanpa sebarang representasi atau waranti yang berkenaan dengannya.

7. Persetujuan Pembayaran

Pelanggan bersetuju, waad dan berjanji untuk membayar Harga Jualan tepat pada masanya mengikut terma pembayaran tertunda pada masa yang ditetapkan dan pada Kadar Keuntungan kemudahan tersebut yang sedia ada.

8. Caj Pampasan. Adalah dipersetujui oleh kedua-dua pihak bahawa pihak Bank berhak untuk mengenakan Pelanggan caj pampasan (ta'widh) pada jumlah kerugian sebenar yang ditanggung oleh pihak Bank akibat langsung kelewatan dalam pembayaran atau keingkaran oleh Pelanggan berdasarkan mekanisme berikut:

(a) Semasa Tempoh Kemudahan

- (i) bagi keingkaran mana-mana pembayaran semasa tempoh Kemudahan, pada kadar pampasan sebanyak satu peratus (1%) setahun atau sebarang kadar lain yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM") ke atas pembayaran tertunggak yang dijadualkan, dikira dari tarikh sejurus selepas tarikh keingkaran itu sehingga tarikh penerimaan pembayaran penyelesaian penuh;
- (ii) Bagi keingkaran menyebabkan Kemudahan ditamatkan atau dibawa ke mahkamah untuk penghakiman sebelum tarikh luput tempoh Kemudahan, pada kadar pampasan sebanyak satu peratus (1%) setahun atau sebarang kadar lain yang diluluskan oleh BNM atas baki tertunggak (baki tertunggak berserta dengan jumlah keuntungan terakru);

(b) Selepas tarikh luput atau tempoh matang Kemudahan bagi keingkaran mana-mana pembayaran melebihi tempoh Kemudahan, pada kadar yang tidak melebihi kadar semalaman harian Pasaran Wang antara Bank-Bank perbankan Islam ("IIMM") di BNM atau sebarang kadar lain yang diluluskan oleh BNM ke atas baki tertunggak (baki tertunggak dan keuntungan terakru)

Kemudahan tertakluk pada mana-mana rebat (ibra') yang berkenaan, dikira dari tarikh sejeurus selepas tamat tempoh Kemudahan sehingga tarikh penerimaan bayaran penuh.

- (c) Setelah Penghakiman bagi keingkaran pembayaran Kemudahan di mana jumlah penghakiman telah diputuskan oleh mahkamah, pada kadar yang tidak melebihi kadar semalaman harian Pasaran Wang antara Bank-Bank perbankan Islam ("IIMM") di BNM atau sebarang kadar lain yang diluluskan oleh BNM atas jumlah penghakiman asas Kemudahan tertakluk pada mana-mana rebat (ibra') yang berkenaan dikira dari tarikh penghakiman sehingga jumlah penghakiman dijelaskan sepenuhnya.

Jumlah pampasan tidak boleh dikompaun dan kadar rujukan bagi kerugian sebenar hendaklah ditentukan pada titik kejadian ingkar, dikira atas dasar harian dari tarikh matang bayaran ansuran.

9. Cukai-cukai Kerajaan dan/atau berkanun/dibawah kawalan untuk mengenakan caj, fi dan lain-lain.

- (a) Bagi tujuan Klausula ini:
"Cukai" bermaksud sebarang cukai yang dikenakan pada masa kini atau masa akan datang, secara langsung atau tidak, di Malaysia atau di luar negara, levi, impos, duti, caj, fi, potongan atau sebarang sekatan yang dikenakan oleh mana-mana Pihak Berkuasa Yang Berkenaan, termasuk tanpa batasan, sebarang cukai penggunaan dan cukai-cukai lain biar apa pun nama yang diberi, dan sebarang keuntungan, denda atau penalty berkenaan dengannya. "**Pihak Berkuasa Berkenaan**" bermaksud mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau badan yang menguruskan hal-hal percukaian.
- (b) Segala fi, caj dan/atau segala wang lain yang perlu dibayar oleh Pelanggan kepada pihak Bank menurut Terma-terma dan Syarat-syarat ini termasuk sebarang amaun yang mewakili pembayaran ganti yang perlu dijelaskan oleh Pelanggan kepada pihak Bank, adalah tidak termasuk sebarang Cukai, dan hendaklah dijelaskan tanpa sebarang pengecualian, sekatan atau syarat dan tanpa sebarang potongan bagi sebarang tuntutan balas atau sebarang potongan atau penahanan.
- (c) Sekiranya Pelanggan diminta untuk menolak sebarang cukai dari pembayaran kepada pihak Bank di bawah terma-terma dan syarat-syarat ini, Pelanggan mestilah menambah jumlah yang perlu dibayar sehingga pihak Bank menerima jumlah yang sepatutnya diterima oleh pihak Bank sekiranya penolakan Cukai tersebut tidak diperlukan. Sekiranya pihak Bank diminta untuk menolak sebarang cukai dari pembayaran kepada Pelanggan, pihak Bank tidak perlu menambah jumlah yang perlu dibayar.
- (d) Sebagai penambahan atas fi, caj dan/atau sebarang bayaran yang perlu dibayar, Pelanggan hendaklah membayar kepada pihak Bank segala Cukai berkenaan pada kadar semasa berkenaan dan/atau sebarang amaun yang ditentukan oleh pihak Bank untuk merangkumi sebarang pembayaran/liabiliti/obligasi Cukai yang bersabit dengannya, tanpa sebarang penolakan, sekatan atau syarat dan tanpa sebarang potongan bagi atau kerana sebarang tuntutan balas atau sebarang potongan atau penahanan, selain Cukai yang dikehendaki di bawah mana-mana undang-undang perlulah dibayar oleh Pelanggan, di mana hendaklah diremit terus kepada Pihak Berkuasa Berkenaan.
- (e) Jika pada bila-bila masa sesuatu pelarasan dibuat atau perlu dibuat di antara pihak Bank dengan pihak berkuasa cukai berkenaan bagi sesuatu amaun yang dibayar sebagai Cukai kerana sesuatu bekalan dibuat atau disifatkan telah dibuat atau sebarang hal lain bersabit dengan Terma dan Syarat ini oleh pihak Bank, maka suatu pelarasan bersamaan di atas budi bicara pihak Bank hendaklah dibuat antara pihak Bank dengan Pelanggan dan dalam hal sedemikian, sebarang pembayaran yang perlu dilakukan untuk melaksanakan pelarasan itu hendaklah dibuat.
- (f) Segala Cukai yang perlu dibayar oleh Pelanggan kepada pihak Bank seperti mana diperuntukan di dalam ini hendaklah dijelaskan mengikut masa-masanya dan dengan cara yang diminta oleh pihak Bank.
- (g) Pelanggan dengan ini bersetuju melakukan segala hal yang semunasabahnya diminta oleh pihak Bank untuk membantu pihak Bank menunaikan obligasi Bank menurut mana-mana undang-

undang berkenaan termasuk sebarang Cukai yang diwajibkan. Sekiranya Cukai baharu diperkenalkan dan Cukai tersebut perlu dicaj ke atas transaksi yang dicadangkan dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini, maka Pelanggan bersetuju memberi segala kerjasama kepada pihak Bank demi membantu pihak Bank menunaikan obligasi pihak Bank dibawah undang-undang berkenaan

- (h) Bagi mengelakkan keraguan, kedua-dua pihak bersetuju bahawa sebarang jumlah wang kena dibayar atau amaun yang digunakan dalam pengiraan jumlah wang kena dibayar yang diungkapkan dalam terma-terma dan syarat-syarat ini telah ditentukan tanpa mengambil kira dan tidak termasuk amaun yang kena tambah di bawah fasal ini disebabkan Cukai.

10. Pra-Pembayaran

Pelanggan dibenarkan membuat apa-apa pra-pembayaran ke atas Harga Jualan tambahan atau mana-mana bahagian daripadanya dan semua pembayaran akan mengurangkan bahagian keuntungan terlebih dahulu, diikuti dengan bahagian prinsipal.

- 11. Penyelesaian Awal.** Pelanggan boleh pada bila-bila masa melaksanakan penyelesaian awal Pembiayaan.

12. Rebat.

- (a) Rebat bagi penyelesaian awal (ibra') atas keuntungan berbaki yang dikenakan akan diberi kepada Pelanggan bagi tempoh belum luput bermula selepas tempoh notis tiga (3) bulan. Rebat akan dikira selaras dengan formula berikut*:

Rebat = Baki keuntungan yang belum diperolehi

- (b) Rebat akan diberikan kepada semua Pelanggan yang menyelesaikan pembiayaan mereka sebelum berakhirnya tempoh pembiayaan. Penyelesaian sebelum berakhirnya tempoh pembiayaan oleh Pelanggan merangkumi, tetapi tidak terhad kepada situasi berikut:
- (i) Pelanggan yang membuat penyelesaian awal atau penebusan awal, termasuk yang timbul daripada pra-pembayaran;
 - (ii) Penyelesaian Kemudahan ini disebabkan penyusunan semula pembiayaan;
 - (iii) Penyelesaian oleh Pelanggan dalam kes keingkaran;
 - (iv) Penyelesaian oleh Pelanggan dimana berlakunya penamatan atau pembatalan Kemudahan ini sebelum tarikh akhir tempoh; dan
 - (v) Rebat akan dianggap telah diberi setelah penerimaan bayaran jumlah penyelesaian/penebusan sebagaimana yang ditentukan oleh pihak Bank.

- 13. Perubahan Ansuran.** Pihak Bank berhak untuk mengubah angka ansuran dan/atau jumlah pembayaran ansuran pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada Pelanggan.

- 14. Kejadian ingkar.** Harga Jualan, caj pampasan dan segala wang lain yang pada masa tersebut masih terhutang atau baki masih belum dibayar oleh Pelanggan di bawah terma-terma dan syarat-syarat ini dan mana-mana perjanjian lain yang menghampiri tarikh matang dan segera dibayar oleh Pelanggan kepada pihak Bank dan pihak Bank berhak memperoleh jumlah yang sama berserta Caj Pampasan ke atasnya berserta dengan sebarang kos dan fi kena bayar oleh Pelanggan apabila berlaku salah satu yang berikut:

- (a) jika Pelanggan gagal membayar sebarang wang yang patut diterima pada tarikh matang dan kena dibayar kepada pihak Bank;
- (b) jika Pelanggan ingkar atau gagal menunaikan mana-mana aku janji, perjanjian atau mana-mana terma-terma dan syarat-syarat di dalam ini;
- (c) jika Pelanggan melakukan tindakan kebangkrapan atau membuat sebarang komposisi atau perkiraan dengan atau untuk manfaat para pemiutangnya;
- (d) jika sebarang guaman distres atau perlaksanaan levi atau dikuatkuasakan ke atas mana-mana harta Pelanggan;

- (e) jika Pelanggan menjalani hukuman tahanan, menjadi gila atau meninggal
- (f) jika berlaku sebarang perubahan nyata pada kedudukan kewangan Pelanggan yang menurut pandangan munasabah pihak Bank berkemungkinan besar akan menjejaskan keupayaan Pelanggan untuk melunaskan caj pampasan dan keuntungan yang dikenakan ke atasnya;
- (g) Sebarang representasi atau pernyataan yang dibuat oleh Pelanggan adalah tidak betul dari segi nyatanya atau tidak dipatuhi;
- (h) jika perubahan undang-undang atau peraturan berkenaan adalah menyebabkan terjadi mustahil atau salah di sisi undang-undang untuk pihak Bank meneruskan tawaran Kemudahan kepada Pelanggan; atau
- (i) jika sesuatu kejadian telah berlaku atau satu situasi wujud yang boleh atau mungkin menjejaskan

15. Pembatalan. Pihak Bank berhak untuk menyemak semula, membatalkan, menarik balik, menggantung atau menamatkan Kemudahan yang telah diluluskan atau dibayar dengan memberi notis tujuh (7) hari kepada Pelanggan jika hal keadaan yang memberi kesan kepada Pelanggan yang menurut pandangan munasabah pihak Bank telah memberi kesan buruk kepada Pelanggan atau pihak Bank.

16. Semakan. Pihak Bank berhak untuk mengkaji semula Kemudahan pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa tanpa mengambil kira sama ada kejadian ingkar telah berlaku. Apabila kajian semula tersebut dilakukan, tertakluk pada peruntukan Syariah, pihak Bank berhak untuk mengubah terma-terma dan syarat-syarat Kemudahan atau untuk menarik balik, membatalkan, menggantung atau menamatkan Kemudahan tersebut atau mana-mana bahagiannya dengan memberi notis tujuh (7) hari kepada Pelanggan. Dalam hal sedemikian, Pelanggan bersetuju untuk serta-merta menerima keputusan tersebut dan membayar kepada pihak Bank hutang yang kena dibayar dan belum dilunaskan di bawah Kemudahan itu. Pelanggan bersetuju bahawa pihak Bank tidak mempunyai sebarang kewajipan lagi sama ada di sisi undang-undang atau ekuiti untuk menyediakan atau terus menyediakan Kemudahan itu kepada Pelanggan. Walau apa pun yang terkandung dalam Terma-terma dan Syarat-syarat, Kemudahan, segala caj pampasan, kos dan fi kena bayar hendaklah dilunaskan oleh Pelanggan apabila dituntut oleh pihak Bank.

17. Penyerahan Hak. Pihak Bank berhak untuk menyerah hak dan/atau memindahkan keseluruhan atau mana-mana bahagian hak atau kewajipan pihak Bank di bawah terma-terma dan syarat-syarat ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis kepada Pelanggan.

18. Notis dan Proses Perundangan. Semua notis dan komunikasi yang akan diberikan oleh pihak Bank seperti yang terkandung di sini termasuk sebarang tuntutan untuk bayaran wang yang perlu dijelaskan, tunggakan dan baki masih belum dibayar oleh Pelanggan akan dilakukan secara bertulis dan boleh disampaikan kepada Pelanggan di alamat Pelanggan, nombor faks atau sistem elektronik (termasuk mel elektronik ("emel") dan khidmat pesanan ringkas ("SMS") seperti dinyatakan dalam permohonan Kemudahan Pelanggan dan/atau rekod pihak Bank yang terkini. Notis boleh diberi atau dilakukan melalui pos, faksimili, secara elektronik (termasuk emel dan SMS), serahan peribadi, notis am melalui iklan di cawangan Bank, laman sesawang Bank atau menerusi saluran perbankan internet/mudah alih Bank atau sebarang cara elektronik yang ditentukan oleh pihak Bank.

Notis atau komunikasi lain dianggap telah diberikan kepada Pelanggan:

- (a) bagi pos berdaftar atau pos biasa, lima (5) hari selepas diposkan;
- (b) bagi faksimili, pada hari penghantaran;
- (c) bagi emel dan/atau SMS dan/atau sebarang jenis kaedah elektronik, pada hari penghantaran;
- (d) bagi serahan peribadi, pada masa serahan; dan
- (e) bagi notis yang dikeluarkan melalui iklan, pada tarikh iklan.

Pelanggan bertanggungjawab memastikan pihak Bank sentiasa dimaklumkan tentang alamat terkini Pelanggan dan butiran perhubungan lain. Penyampaian sebarang proses mahkamah hendaklah dilaksanakan dengan cara meninggalkan atau menghantarnya kepada alamat kediaman biasa atau

terakhir diketahui atau di alamat Pelanggan seperti mana dinyatakan dalam permohonan Kemudahan Pelanggan, atau boleh juga dilaksanakan dengan sebarang cara lain yang dibenarkan undang-undang.

19. Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (“IFSA”) dan Garis Panduan Bank Negara Malaysia mengenai Transaksi Kredit dan Pendedahan dengan Pihak-pihak Berkait untuk Bank-Bank Islam (“Garis Panduan”).

Bagi memastikan pihak Bank dapat mematuhi IFSA dan Garis Panduan tersebut, Pelanggan hendaklah membuat akuan kepada pihak Bank sama ada Pelanggan adalah pihak yang ada hubungan menurut Garis Panduan, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada pasangan, anak, ibu/bapa atau tanggungan kewangan Pengarah, Pegawai Esekutif atau pegawai kelulusan/penaksiran /penilaian kredit Bank atau bagi pelanggan perniagaan korporat termasuk entiti yang dikawal oleh orang Bank yang disebut di atas. Jika pada bila-bila masa Pelanggan menjadi orang yang ada hubungan, maka Pelanggan hendaklah segera memaklumkan kepada pihak Bank. Bank berhak menamatkan Kemudahan ini sekiranya Pelanggan gagal membuat akuan yang wajar atau tepat sehingga mengakibatkan pihak Bank melanggar IFSA atau Garis Panduan tersebut.

20. Hak untuk Mendedahkan Maklumat. Sebagai tambahan kepada pendedahan yang dibenarkan menurut Jadual 11 IFSA, Pelanggan memberi kuasa dan kebenaran tidak boleh batal kepada pihak Bank, pegawai dan pekerja untuk mendedahkan dan menyampaikan segala maklumat berkaitan Kemudahan, terma-terma dan syarat-syarat ini, akuan masa kini dan masa akan datang Pelanggan dan sebarang hal lain berkaitan dengan Pelanggan atau perniagaan dan operasinya kepada:

- (a) Institusi kewangan lain yang memberi atau bercadang memberi sebarang kemudahan kredit kepada Pelanggan, Biro Kredit atau mana-mana biro kredit pusat lain yang ditubuhkan oleh BNM, Cagamas Berhad, Credit Guarantee Corporation, mana-mana pihak berkuasa berkenaan lain yang diberikan kuasa di sisi undang-undang untuk mendapatkan maklumat sedemikian atau pihak berkuasa/agensi lain yang ditubuhkan oleh BNM atau mana-mana agensi yang ditubuhkan oleh Persatuan Institusi-Institusi Perbankan Islam Malaysia atau Persatuan Bank-Bank di Malaysia;
- (b) mana-mana perbadanan masa sekarang atau masa akan datang yang mungkin bersekutu atau berkait dengan pihak Bank (seperti ditakrif dalam Akta Syarikat 2016), termasuk pejabat wakil dan pejabat cawangan serta wakil mereka masing-masing serta juga subsidiari-subsidiari syarikat induk Bank dan/atau subsidiari pada syarikat induk Hong Leong Bank Berhad;
- (c) pihak-pihak Pemberi Cagaran atau mana-mana pihak yang bercadang menyediakan cagaran bagi kemudahan;
- (d) Juruaudit Bank, peguam dan/atau ejen-ejen lain bersabit dengan usaha mendapatkan kembali jumlah wang yang kena bayar dan belum bayar; dan
- (e) Penasihat Profesional Bank, penyedia perkhidmatan, penama, ejen, kontraktor atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang terlibat dalam usaha penyediaan produk dan perkhidmatan kepada atau oleh pihak Bank dan syarikat berkaitan/bersekutu Bank.

Pelanggan dengan ini memberi persetujuan tidak boleh batal dalam hal pendedahan tersebut dan mengesahkan bahawa pihak Bank, para pegawai dan pekerjaanya tidaklah bertanggungjawab atas penyampaian maklumat tersebut atau atas akibat pergantungan kepada maklumat yang disampaikan itu selaras dengan terma-terma dan syarat-syarat ini.

21. Representasi dan Waranti pada Pemprosesan Maklumat Peribadi. Pelanggan dengan ini memberi representasi dan jaminan bahawa Pelanggan telah memperoleh persetujuan semua orang yang dinamakan dalam permohonan Kemudahan Pelanggan atau sebarang dokumen yang dikemukakan kepada pihak Bank sebagai menyokong permohonan tersebut dan/atau wakil-wakil sah mereka, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengarah, pemegang syer, penandatanganan sah atau mana-mana orang lain seperti disebut oleh pihak Bank (“Subjek Data Berkenaan”) untuk pihak Bank mengumpul, memegang dan menggunakan maklumat peribadi Subjek Data Berkenaan selaras dengan Notis Privasi Bank seperti yang dipinda dari semasa ke semasa.

- 22. Persetujuan Memproses Maklumat Peribadi.** Pelanggan dengan ini memberi persetujuan dalam hal memegang, mengumpul dan menggunakan segala data peribadi yang diberikan kepada pihak Bank oleh Pelanggan dan/atau diperoleh oleh pihak Bank daripada domain awam, serta juga data peribadi yang timbul hasil daripada menyediakan perkhidmatan kepada Pelanggan bersabit dengan Kemudahan ini selaras dengan Notis Privasi Bank yang dipinda dari semasa ke semasa. “Notis Privasi” bermakna dasar dan prinsip Bank berkenaan pengumpulan, penggunaan dan penyimpanan maklumat data peribadi individu dan entiti sedia ada dan prospektif yang berurusan dengan pihak Bank seperti mana dipinda dari semasa ke semasa dan boleh didapati di laman sesawang Bank atau mengikut cara yang pihak Bank anggap sesuai dari semasa ke semasa.
- 23. Penepian dan Kelonggaran.** Terma-terma dan Syarat-syarat di dalam ini boleh dikecualikan oleh pihak Bank secara keseluruhan atau sebahagian dengan syarat atau tanpa syarat dengan memberi notis kepada Pelanggan tanpa menjejaskan hak pihak Bank. Kegagalan pihak Bank untuk menguatkuasakan mana-mana peruntukan di bawah ini atau sebarang kelewatan atau kelonggaran yang diberi oleh pihak Bank kepada Pelanggan tidaklah bermakna pihak Bank telah mengecualikan mana-mana hak pihak Bank dibawah ini.
- 24. Tiada Tolak Selesai atau Tuntutan Balas oleh Pelanggan.** Pelanggan tidak berhak untuk menolak selesai atau membuat tuntutan balas sebarang jumlah hutang atau dikatakan hutang oleh pihak Bank kepada Pelanggan dari sebarang jumlah yang perlu dibayar oleh Pelanggan menurut Kemudahan ini. Pelanggan bersetuju bahawa tiada apa penetapan di antara pihak Bank dan Pelanggan dan/atau mana-mana pihak lain akan menjejaskan atau dianggap sebagai membentuk perjanjian tidak langsung yang menghadkan atau menyangkal sebarang lien, caj, jaminan, hak untuk tolak selesai atau hak lain yang pada bila-bila masa menjadi hak pihak Bank (sama ada secara pelaksanaan undang-undang, kontrak atau selainnya).
- 25. Tolak selesai/Pengabungan Akaun.**
- (a) Pihak Bank berhak untuk menolak selesai baki kredit di semua atau mana-mana akaun Pelanggan terhadap sebarang liabiliti atau baki tertunggak yang perlu dibayar dan terhutang oleh Pelanggan pada masa ini dan/atau pada masa akan datang, yang merangkumi liabiliti bersama Pelanggan (“Jumlah Tertunggak”) dengan memberi notis awal kepada Pelanggan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari. Bank juga boleh memperuntukkan dana yang ada di dalam akaun Pelanggan terhadap Jumlah Tertunggak dengan memberi notis kepada Pelanggan.
 - (b) Sekiranya mata wang baki kredit di dalam semua atau mana-mana akaun Pelanggan berbeza dengan mata wang Jumlah Tertunggak, pihak Bank berhak untuk melakukan penukaran mata wang yang diperlukan pada kadar pertukaran semasa pihak Bank.
- 26. Hak Pengasingan.**
- (a) Sekiranya Pelanggan gagal membuat bayaran penuh tepat pada masanya kepada pihak Bank, pihak Bank berhak untuk menggunakan sebarang bayaran atau sebahagiannya untuk menyelesaikan mana-mana jumlah wang, tunggakan, ansuran bulanan yang perlu dibayar dan caj tertunggak lain yang perlu dibayar.
 - (b) Sebarang lebihan akan dianggap sebagai lebihan bayaran untuk akaun tertentu (“Bayaran Lebihan”). Sebarang Bayaran Lebihan tidak akan digunakan untuk pengurangan keuntungan atau pokok yang belum dijelaskan.
 - (c) Pihak Bank tidak diwajibkan untuk menggunakan Bayaran Lebihan untuk menyelesaikan sebarang wang lain yang perlu dibayar terhadap mana-mana akaun Pelanggan dengan pihak Bank.
 - (d) Sekiranya jumlah yang diterima atau diperoleh semula berkenaan dengan liabiliti Pelanggan adalah kurang daripada jumlah yang perlu dibayar, pihak Bank akan menggunakan jumlah tersebut dalam perkadaran dan susunan atau keutamaan sedemikian cara yang ditentukan oleh pihak Bank.

- 27. Pelantikan ejen.** Pihak Bank adalah berhak atas budi bicaranya untuk melantik ejen pilihannya untuk mengutip kesemua dan sebarang jumlah wang yang perlu dibayar kepada pihak Bank oleh Pelanggan di bawah terma-terma dan syarat-syarat ini dengan memberi notis tujuh (7) hari kepada Pelanggan.
- 28. Pengawasan Telefon dan Rakaman.** Tertakluk pada undang-undang berkenaan, pihak Bank boleh merakam dan Pelanggan memberi persetujuan kepada pihak Bank untuk merakam segala perbualan telefon yang dibuat dengan Pelanggan untuk tujuan termasuk jualan, latihan, siasatan dan sebagainya. Pelanggan bersetuju bahawa:
- (a) semua rakaman telefon menjadi hak milik Bank;
 - (b) berhak menggunakan rakaman tersebut sebagai bahan keterangan dalam sebarang pertikaian.
- 29. Representasi dan Jaminan.** Berikut adalah representasi dan jaminan yang dibuat oleh Pelanggan kepada pihak Bank:
- (a) Pelanggan mempunyai keupayaan untuk melaksanakan, menyampaikan dan menunaikan terma-terma dan syarat-syarat di dalam ini;
 - (b) Terma-terma dan syarat-syarat ini merupakan obligasi undang-undang, sah dan mengikat penguatkuasaan terhadap Pelanggan;
 - (c) segala tindakan, syarat, benda, keizinan, persetujuan, pemberikuasaan, kelulusan, lesen dan pengecualian yang perlu dilakukan, dilaksanakan, disampaikan, dipenuhi, ditunaikan atau diperoleh supaya Pelanggan boleh secara sah di sisi undang-undang membuat dan menjalankan serta menunaikan hak dan obligasi Pelanggan di bawah ini dan menurut sebarang dokumen berkaitan yang disempurnakan oleh Pelanggan, telah dilakukan, dilaksanakan, disampaikan, dipenuhi, ditunaikan atau diperoleh dan sedang berkuatkuasa sepenuhnya;
 - (d) Persetujuan Pelanggan menerima dan menunaikan obligasi Pelanggan di bawah Terma-terma ini dan mana-mana undang-undang, peraturan, perintah atau dekri mana-mana pihak berkuasa kerajaan, badan, agensi, dan mahkamah yang tertakluk ke atas Pelanggan;
 - (e) Maklumat yang diberi oleh Pelanggan kepada pihak Bank bersabit dengan terma-terma dan syarat-syarat ini dan Kemudahan adalah tepat, betul, benar dan lengkap tanpa sebarang yang tertinggal apa jua pun yang boleh menjadikan maklumat tersebut tidak lengkap, tidak betul, silap, salah nyata, tidak benar, tidak lengkap atau mengelirukan dari apa jua segi. Pelanggan hendaklah segera memberitahu pihak Bank secara bertulis jika maklumat tersebut perlu diubah dan/atau jika terdapat sebarang pertukaran;
 - (f) Pelanggan tidak ingkar di bawah sebarang perjanjian yang Pelanggan menjadi salah satu pihak atau Pelanggan terikat kepadanya; dan
 - (g) Pelanggan bukan si bankrap yang belum dilepaskan dan tiada prosiding kebangkrapan, tindakan undang-undang, litigasi, timbangtara, prosiding pentadbiran, sivil atau jenayah yang sedang berlaku, menunggu penyelesaian atau diancam terhadap Pelanggan akan menjejaskan keupayaan Pelanggan untuk menunaikan obligasi Pelanggan menurut terma-terma dan syarat-syarat ini.
- 30. Penggantungan Akaun.** Pihak Bank boleh meletakkan sebarang wang yang diterima atau diperoleh semula daripada Pelanggan ke dalam akaun tanpa untung yang berasingan ("**Akaun Gantung**") untuk pembayaran sebarang wang yang tertunggak dan perlu dibayar oleh Pelanggan kepada pihak Bank ("**Hutang**") dan untuk tujuan memelihara liabiliti Pelanggan dalam prosiding undang-undang atau untuk membuktikan kebangkrapan atau penggulungan Pelanggan. Walaupun pembayaran sedemikian, sekiranya Pelanggan didapati ban pihak Bank boleh membuktikan dan bersetuju untuk menerima sebarang dividen atau komposisi berkenaan dengan keseluruhan atau sebahagian daripada Hutang tersebut. Sehingga Hutang telah dibayar sepenuhnya kepada pihak Bank, pihak Bank berhak untuk menganggap wang atau dividen yang diterima atau diperoleh semula sebagai tidak dibuat/berlaku. Selepas pembayaran penuh Hutang, sebarang lebihan wang yang tinggal dengan pihak Bank dalam Akaun Gantung hendaklah dikembalikan kepada Pelanggan atau wakil Pelanggan, jika berkenaan.

- 31. Pengganti.** Terma-terma dan syarat-syarat ini hendaklah mengikat waris, penyelesaian, penerima, wakil, pemegang amanah yang dibenarkan dan pewaris Pelanggan dan boleh dikuatkuasakan oleh pewaris dan pemegang amanah pihak Bank.
- 32. Tanggung Rugi.** Pelanggan bersetuju untuk menanggung rugi dan tetap memegang lepas dan menanggung rugi pihak Bank daripada dan terhadap segala tindakan tuntutan, permintaan, prosiding, kerugian, kerosakan, kos, caj dan sebarang perbelanjaan yang pihak Bank tanggung atau alami yang berkaitan dengan atau akibat daripada kegagalan Pelanggan menunaikan mana-mana Terma-terma dan syarat-syarat Kemudahan.
- 33. Kejadian di Luar Kawalan Bank.** Walau apa pun peruntukan lain di sini, sekiranya pihak Bank tidak dapat melaksanakan sebarang operasi atau menyediakan sebarang perkhidmatan atas sebarang sebab di luar kawalan pihak Bank termasuk tetapi tidak terhad kepada kebakaran, banjir, rusuhan, bencana alam, sebarang kegagalan atau gangguan terhadap telekomunikasi, bekalan elektrik, bekalan air, bekalan bahan api atau sebarang faktor yang berunsurkan keadaan yang tidak dijangka di luar kawalan pihak Bank, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kesulitan, kerugian, kecederaan, kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang disebabkan oleh perkara tersebut.
- 34. Kebolehasingan.** Apa-apa terma, syarat, ketentuan, peruntukan, waad atau aku janji dalam terma-terma dan syarat-syarat ini atau mana-mana bahagiannya yang menyalahi undang-undang, tidak sah, dilarang atau tidak boleh dikuatkuasakan dalam mana-mana bidang kuasa hendaklah bagi bidang kuasa tersebut menjadi tidak efektif setakat kepenyalahan undang-undang, ketidaksahan, larangan atau ketidakbolehuatkuasaan tersebut tanpa membatalkan peruntukan-peruntukan yang lain atau bahagian-bahagian lain dalam terma-terma dan syarat-syarat ini dan sebarang kepenyalahan undang-undang, ketidaksahan, larangan atau ketidakbolehuatkuasaan dalam mana-mana bidang kuasa tidak akan membatalkan atau menyebabkan salah di sisi undang-undang, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan mana-mana terma, syarat, ketentuan, peruntukan, waad atau aku janji dalam mana-mana bidang kuasa yang lain.
- 35. Keingkaran Balasan.** Pihak Bank berhak untuk bertindak meneruskan prosiding undang-undang terhadap Pelanggan atau menamatkan Kemudahan, serta meminta daripada Pelanggan segala wang yang kena dibayar kepada pihak Bank menurut terma-terma dan syarat-syarat ini atau menahan atau menarik balik Kemudahan jika berlaku keingkaran membayar sebarang wang yang kena dibayar oleh Pelanggan di sini atau bawah mana-mana akaun lain dengan pihak Bank atau dengan mana-mana institusi kewangan lain atau jika berlaku keingkaran membayar sebarang wang di bawah akaun mana-mana pihak lain yang Pelanggan menjadi penjamin kepadanya atau apabila Pelanggan menjadi gila atau meninggal dunia.
- 36. Penyata dikeluarkan pihak Bank**
- (a) Pelanggan bersetuju bahawa penyata akaun yang ditandatangani oleh pengurus atau pegawai/ejen pihak Bank yang diberi kuasa sewajarnya, jika tiada sebarang kesilapan yang jelas dalam penyata akaun atau penipuan oleh pihak Bank, menjadi bukti yang mengikat dan konklusif mengenai hutang yang perlu dibayar di bawah Kemudahan di mahkamah.
 - (b) Sebarang pertikaian/percanggahan dalam penyata akaun hendaklah dibangkitkan oleh Pelanggan kepada pihak Bank dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penyata tersebut, jika gagal, penyata itu akan dianggap tepat.
- 37. Arahan-arahan menerusi Telefon atau Transmisi Faksimili atau Elektronik atau Digital.** Pihak Bank dengan ini diminta dan diberi kuasa oleh Pelanggan, untuk bergantung kepada dan bertindak selaras dengan mana-mana arahan, pengesahan dan/atau komunikasi lain oleh Pelanggan ("Arahan"), sama ada secara lisan atau bertulis, dan sama ada diberi melalui telefon, transmisi faksimili atau elektronik atau digital yang diberi oleh Pelanggan dan/atau orang yang diberi kuasa oleh Pelanggan. Pihak Bank adalah berhak untuk bergantung kepada dan bertindak mengikut arahan

tersebut apabila sahaja pengesahan seperlunya atas arahan tersebut telah dilaksanakan oleh pihak Bank. Pihak Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab atas sebarang kehilangan, kerosakan atau kos (termasuk kos guaman) yang mungkin ditanggung atau dialami Pelanggan secara langsung atau tidak langsung terbit daripada pemberian arahan, ketidakhantaran arahan dan/atau kesilapan dalam penghantaran arahan di bawah ini.

- 38. Pengingkaran Undang-Undang.** Jika pihak Bank menentukan bahawa pengenalan atau perubahan mana-mana undang-undang, peraturan atau terbitan rasmi (sama ada mempunyai kuatkuasa undang-undang atau tidak) atau sebarang perubahan pada tafsiran atau pemakaiannya menjadikannya salah di sisi undang-undang bagi pihak Bank untuk mengekalkan, membiayai atau menguatkuasakan obligasinya di sini, maka pihak Bank hendaklah segera memberi notis tentang penentuan tersebut kepada Pelanggan dan dengan itu Kemudahan setakat itu hendaklah dibatalkan dan Pelanggan setelah menerima notis daripada pihak Bank, dengan segera membayar segala wang yang dipersetujui oleh Pelanggan di sini termasuk sebarang kos dan fi yang dikenakan. Penentuan ini hendaklah berkuatkuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam notis pihak Bank dan keputusan pihak Bank tentang tarikh berkuatkuasanya penentuan tersebut adalah muktamad.
- 39. Jaminan Berterusan.** Liabiliti dan/atau obligasi Pelanggan di bawah Kemudahan ini adalah berterusan sah dan mengikat bagi apa jua tujuan biarpun berlaku sebarang perubahan sama ada kerana Pelanggan bankrap, meninggal dunia, menjadi gila atau sebaliknya dan/atau sebarang perubahan disebabkan penyatuan, pembentukan semula atau sebaliknya yang mungkin dilakukan dalam pertubuhan pihak Bank.
- 40. Pindaan.** Terma-terma dan syarat-syarat ini dan ketersediaan, had, kadar keuntungan, fi dan caj Kemudahan adalah tertakluk pada garis panduan daripada BNM dan/atau mana-mana pihak berkuasa berkenaan. Pihak Bank berhak mengubah, menambah, memadamkan atau meminda terma-terma dan syarat-syarat di dalam ini menurut budi bicara mutlaknyanya dengan memberi notis dua puluh satu (21) hari kepada Pelanggan.
- 41. Perjanjian Tunggal.** Permohonan Kemudahan oleh Pelanggan, di mana Jadual Pembayaran Balik, Notis Pengeluaran dan semua perjanjian lain dan dokumen yang dikeluarkan oleh pihak Bank berkaitan dengan Kemudahan serta sebarang Arahan daripada Pelanggan hendaklah dibentuk dan ditafsirkan sebagai suatu perjanjian tunggal antara pihak Bank dan Pelanggan.
- 42. Undang-undang Terpakai.** Terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di dalam ini adalah tertakluk pada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia. Pelanggan dengan ini bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah-mahkamah di Malaysia. Sekiranya berlaku sebarang pertikaian ataupun perbezaan pendapat tentang sebarang jua yang berkenaan atau melibatkan Syariah, kedua-dua pihak akan merujuk perkara tersebut kepada Jawatankuasa Penasihat Syariah BNM dan keputusan melibatkan perkara tersebut adalah dikira mengikat dan muktamad.
- 43. Masa.** Masa dimana tersebut di sini adalah inti pati dalam Terma-terma dan syarat-syarat ini.
- 44. Tafsiran.** Perkataan yang membawa maksud bilangan tunggal juga termasuk bilangan jamak, begitu juga sebaliknya; dan perkataan yang membawa maksud jantina lelaki adalah termasuk jantina wanita dan jantina neutral, begitu juga sebaliknya.